

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: 27 Mac 2017 17:03
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Ariffin bin Abdul Mutalib
Subject: SMMTC ANJUR BENGKEL PENERBITAN SCOPUS PELAJAR PASCA SARJANA



27 MAC 2017 / 28 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

SMMTC ANJUR BENGKEL PENERBITAN SCOPUS PELAJAR PASCA SARJANA



Dalam usaha merencanakan perbincangan akademik dalam kalangan pelajar pasca siswazah, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi telah mengadakan siri perkongsian ilmu melalui 'SMMTC Postgraduate Workshop Series' yang telah dimulakan pada tahun ini.

Bengkel yang bertajuk "Scopus Indexed Journal: Publications Opportunities for Researchers" bertujuan memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar pasca sarjana dalam penerbitan berimpak tinggi dan berindeks Scopus. Bengkel yang diadakan pada 23 Mac 2017 di Bilik Mesyuarat Utama SMMTC disampaikan oleh penceramah jemputan Dr. Mohd. Noor Shahizan Ali dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Profesor Madya Dr. Hassan Abu Bakar bertindak sebagai moderator bengkel.

Beliau berkongsi pengalaman penulisan dan penerbitan dalam Malaysia Journal of Communication (MJC) iaitu satu-satunya jurnal komunikasi yang berindeks Scopus di Universiti Awam. Seramai 25 orang pelajar pasca sarjana SMMTC mengikuti bengkel ini dan turut bertanya soalan dan strategi penerbitan dari penceramah.

Seorang pelajar pasca sarjana dari Nigeria, Raji Ridwan Adetunji menganggap usaha yang dijalankan oleh SMMTC dapat membantu membuka lebih ruang kepada mereka dalam meneroka peluang-peluang penebitan di dalam bidang komunikasi dan media.

Bengkel ini adalah siri yang pertama dan akan diadakan setiap bulan bermula pada bulan Mac 2017 sehingga Disember 2017.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.